



Pertanyaan dari:

Haji Ghazali Bin Ismail,

Yala Thailand – Selatan Siam.

Dapatkan tuan terangkan apakah erti

apakah mukjizat yang sebenarnya, dan

dengan perbezaan di antara mukjizat

sihir?

Jawab:

Mukjizat adalah merupakan suatu senjata ghaib yang dianugerahkan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* kepada rasul-rasul yang diutus-Nya kepada sesuatu umat untuk mematahkan atau melemahkan ancaman-ancaman yang didatangkan oleh musuh-musuhnya guna membuktikan akan kebenaran rasul-rasul bahawa mereka itu adalah benar-benar diutus oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* kepada sesuatu umat manusia yang menjadi penghuni alam ini. Sesuatu mukjizat yang dikurniakan Allah kepada tiap-tiap seorang rasul yang diutus-Nya itu berlainan, tidak sama menurut keadaan sesuatu umat yang mereka seru.

Umpamanya mukjizat Nabi Allah Mūsā *'alayhi al-salām*, dikala Nabi Mūsā dikejar oleh musuhnya Raja Firaun dan tentera-tenteranya untuk dibunuh, tetapi ia dapat melepaskan diri lari hingga ke pinggir Laut Qalzūm (Laut Merah). Dengan mukjizat sebatang tongkat sakti yang ditangannya ia berkuasa membelah lautan menjadi suatu lorong sehingga dengan mudah sahaja Nabi Mūsā dan

pengikut-pengikutnya berjalan menyeberang ke pinggir sebelah sana dengan mengikuti lorong air laut yang telah terbelah itu. Setelah ia dan pengikut-pengikutnya sampai ke seberang sana, maka segeralah laut itu bertemu kembali sehingga tentera-tentera Firaun yang mengejanya dari belakang itu mati tenggelam. Demikian juga Nabi 'Īsā *'alayhi al-salām* mendapat kurniaan mukjizat yang lebih aneh yaitu berkuasa menghidupkan kembali orang yang telah mati.

Demikianlah halnya setiap rasul yang diutuskan Tuhan kepada sesuatu umat dari suatu zaman ke suatu zaman dilengkapi dengan senjata-senjata mukjizat guna untuk menolak dan mematahkan angkara mereka yang didatangkan oleh musuh-musuh mereka, sehingga dengan demikian dapatlah mereka menegakkan risalah suci yang mereka bawa kepada sesuatu umat manusia di zaman masing-masing. Boleh dikatakan kesemua mukjizat-mukjizat yang dikurniakan kepada rasul-rasul utusan Allah daripada Nabi Ibrahim *'alayhi al-salām* hingga ke Nabi 'Īsā *'alayhi al-salām* merupakan mukjizat sementara waktu sahaja. Ertinya apabila rasul-rasul itu telah meninggal dunia, maka kekuasaan mukjizat yang telah dikurniakan kepada mereka itu tidak dapat digunakan lagi oleh pengikut-pengikutnya, mukjizat itu untuk zaman rasul-rasul itu sahaja.

Bersalahan dengan mukjizat agung yang dikurniakan kepada Junjungan kita Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Mukjizat itu terus-menerus dapat digunakan dan memberi faedah yang besar kepada umat Muhammad dari sejak zaman hidupnya hingga ke hari kiamat. Mukjizat ini adalah dinamakan “mukjizat yang kekal abadi.”

Apakah dia “mukjizat yang kekal abadi” yang telah dikurniakan kepada Nabi Muhammad itu? Itulah dia kitab suci “al-Qur'an al-Majid” yang menjadi panduan dan undang-undang dasar seluruh kaum Muslimin menuju kebahagiaan hidup dari alam dunia yang fana hingga ke alam akhirat yang baqa'. Mukjizat al-Qur'an tidak akan luntur dan tidak akan terhapus selagi adanya cakerawala beredar di muka bumi ini, lantaran mukjizat ini, selepas meninggalkannya Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* ia adalah dijaga dan dipelihara oleh Tuhan supaya dapat dijadikan panduan hidup oleh seluruh manusia yang mempercayainya. Jaminan ini adalah ditegaskan oleh Tuhan di dalam firman-Nya yang berbunyi: **“Innā nahnu nazzalnā al-dhikra wa innā lahu lahāfizūna”**. Ertinya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkan *al-dhikr* (al-Qur'an) dan Kamilah yang menjaganya dengan baik.” (*Sūrah Al-Hijr* 9).

Ada pun perbezaan di antara mukjizat dengan ilmu sihir itu ialah, mukjizat adalah kurniaan Allah kepada rasul-rasul pilihan-Nya, kurniaan istimewa yang tidak mungkin sebarang orang melakukannya. Kekuasaan mukjizat dilakukan demi untuk pembinaan dan kebaikan sesuatu umat, kekuasaan

1001 Masalah

mukjizat tidak mudah dipertunjukkan oleh rasul-rasul melainkan setelah tibanya masa kecemasan, ketika nyawa para rasul-rasul itu sedang terancam kerana mukjizat adalah menuju kepada kebaikan dan pembinaan.

Berlainan dengan sihir, sembarangan orang yang bercita-cita jahat untuk melakukan penganiayaan terhadap orang lain, boleh mempelajarinya. Siapa sahaja dapat melakukannya, asal sahaja dia itu sabar dan bersungguh-sungguh menuntut dari ahlinya. Tetapi mukjizat tidak dapat dipelajari. Seperti mukjizat Nabi Ibrahim tak hangus dibakar di dalam api yang sedang menyala, mukjizat Nabi Mūsā mencelikkan orang buta dengan serta merta, mukjizat Nabi 'Īsā menghidupkan orang mati dan mukjizat Nabi Muhammad membelah bulan. Kekuasaan mukjizat ini tidak seorang jua pun daripada manusia biasa yang dapat meniru atau melakukannya sekalipun ia belajar kepada seribu mahaguru yang ahli dan pakar.

Ini terbukti di zaman Firaun, di mana dia sangat marah kepada ahli-ahli dan mahaguru-mahaguru sihirnya yang tidak dapat mematahkan kekuasaan mukjizat yang diperlihatkan oleh Nabi Mūsā *'alayhi al-salām*, sebagaimana yang diceritakan di dalam al-Qur'ān di *Sūrah Ṭaha* ayat 71: *"Inna hu lakabirukumu alladhi 'allamakumu al-sihra, fala 'uqatfi 'anna aydiyakum wa arjulakum min khilafi wa La uşallibannakum ft judhu 'i al-nakhli wa lata 'lamunna ayyunā ashaddu 'adhābā wa abqā."* Maksudnya: "Sesungguhnya bukannya kamu itu mahaguru-mahaguru sihir

yang mengajar ilmu sihir? Kalau kamu beriman juga kepada Mūsā nescaya akan aku potong tangan dan kaki kamu bertimbal balik (tangan kanan bersama kaki kiri) dan akan aku salib (sula) kamu dipohon kruma¹, supaya kamu boleh mengetahui siapa di antara kita yang lebih kekal dan perkasa memberi siksaan yang maha pedih?"

Dari kisah yang diceritakan oleh ayat di atas dapatlah kita mengetahui, jikalau dapatlah mukjizat Mūsā itu dicontohi dan dipelajari oleh mahaguru-mahaguru sihir Firaun itu, maka barang sudah tentu mereka akan meniru dan mempelajari mukjizat itu untuk menindas dan mengalahkan mukjizat yang ditunjukkan oleh Nabi Mūsā kepada mereka itu.

Sekarang kembali kita memperkatakan tentang mukjizat al-Qur'ān yang kekal abadi yang dikurniakan khas kepada Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Al-Qur'ān tidak dapat ditiru oleh manusia walau pada zaman mana sekalipun, ia tetap merupakan sebuah kitab suci Islam yang asli dan *original*. Kerana al-Qur'ān itu adalah suatu mukjizat bukan kitab biasa.

Di zaman Sahabat setelah meninggalnya Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*, Musaylamah al-Kadhdhāb telah mencuba hendak membuat sebuah al-Qur'ān tiruan, tetapi usaha itu sia-sia dan gagal. Setelah itu diikuti pula oleh salah seorang pujangga bahasa dan ahli syair yang terkenal dari sejak zaman Jahiliyah. Ia cuba mengarang suatu surah yang pendek untuk menandingi al-Qur'ān. Tetapi

hasil kerja tiruannya itu dertawakan orang. Dari kalangan Shi'ah pun ada orang yang cuba hendak meniru-niru membuat kitab yang menyerupai al-Qur'ān tetapi kesemua usaha mereka itu sia-sia belaka.

Pendek kata al-Qur'ān adalah satu-satunya mukjizat yang membuktikan kebenaran agama Islam, sebagai suatu mukjizat yang kekal abadi yang tidak dapat ditiru-tiru oleh manusia hingga ke akhir zaman. Firman Allah di dalam surah Al-Baqarah ayat (22²) dan (23³):

"Wa in kuntum fi Raybi minmā nazalnā 'alā 'abdinā fa 'tū bisūratī min mithlihi, wa 'ad'ū shuhadā'akum min dūni Allāhi in kuntum ṣādiqīn. Fa in lam taf'alū wa lan Tf'alū fa 'ittaqu al-nāra allatī wa qūduhā al-nāru wa al-hijāru wa sikkatillajīnīn":⁴ "Kalaupun kamu ragu-ragu tentang kebenaran (al-Qur'ān) yang telah Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad), maka perbuatlah agak satu surah yang menyerupainya, dan ajaklah saksi-saksi dari pihak kamu selain dari Allah sekiranya kamu dari golongan orang yang benar. Tetapi jikalau kamu tidak sanggup memperbuatnya dan sudah tentu kamu tidak akan sanggup memperbuatnya, maka takutilah neraka yang kayu apinya terdiri dari manusia dan batu-batu berhala yang sedang disediakan untuk (membakar) orang-orang yang kafir".

Inilah dia mukjizat dan begitulah perbezaannya dengan ilmu sihir, semoga dengan jawapan yang ringkas ini akan memuaskan pihak yang bertanya.

Abu Al-Mokhtar

¹ Perkataan sebenarnya adalah kurma.

² Ayat yang sebenarnya adalah 23

³ Ayat yang sebenarnya adalah 24